

Majlis Perpisahan Kakitangan SSMP

Oleh : Siti Norlizah Limat & En. Muhammin Hj. Abd. Sani, Penolong Pendaftar Kanan

Pada 12 Julai 2011, Kelab Rekreasi SSMP telah mengadakan Majlis Makan Malam Penghargaan sempena perpindahan penempatan baru bertugas dua orang kakitangan SSMP iaitu Puan Amizah dan Encik Taipin, bertempat di Beijing Steamboat Seafood Kampung Nelayan, Bukit Padang.

Majlis yang diadakan secara santai dihadiri oleh kakitangan SSMP dimulakan dengan makan malam diikuti ucapan penghargaan dan penyampaian cenderahati daripada pihak sekolah kepada Puan Amizah dan Encik Taipin.

Ucapan telah disampaikan oleh Dekan SSMP iaitu Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani dengan didahului dengan ucapan terima kasih di atas sumbangan mereka berdua selama bertugas di SSMP dengan baik. Dekan juga memberikan kata-kata perangsang agar mereka berdua dapat menyesuaikan diri dan bertugas dengan lebih baik dan didikasi di tempat penempatan baru mereka.

Di samping itu, Puan Amizah dan Encik Taipin juga menyampaikan ucapan balas masing-masing kepada pihak sekolah.

Berikut merupakan sejarah perkhidmatan Puan Amizah dan Encik Taipin di SSMP.

BIL	NAMA KAKITANGAN	TEMPOH BERTUGAS	PENEMPATAN BARU
01.	Puan Amizah Hani Ariffin	Tahun 2001 – Julai 2011 (10 Tahun)	Perpustakaan, UMS
02.	Encik Taipin Gadoit	Tahun 2000 – Julai 2011 (11 Tahun)	Sekolah Sains dan Teknologi

